

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

BAHAGIAN II - KECUALIAN AM

Seksyen 19. Perbuatan dilakukan dengan sucihati untuk faedah seseorang dengan tiada kerelaan.

Tiadalah apa-apa jua menjadi kesalahan oleh sebab sesuatu kecederaan yang ia mungkin menyebabkan kepada seseorang yang untuk faedahnya ia dilakukan dengan suci hati, walaupun dengan tiada kerelaan orang itu, jika keadaannya adalah sedemikian bahawa orang itu tidak boleh menyatakan kerelaan atau jika orang itu tidak berupaya memberi kerelaan, dan tidak mempunyai penjaga atau orang lain yang sah di sisi undang-undang menjaganya yang kerelaan boleh sempat didapati daripadanya untuk perkara itu dilakukan untuk faedahnya:

Dengan syarat-

- (i) bahawa kecuialian ini tidak termasuk menyebabkan kematian dengan sengaja atau percubaan menyebabkan kematian;
- (ii) bahawa kekecuialian ini tidak termasuk melakukan sesuatu perkara, yang orang yang melakukannya mengetahui mungkin menyebabkan kematian, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera parah ataupun menyembuhkan apa-apa kelemahan atau penyakit yang teruk;
- (iii) bahawa kecuialian ini tidak termasuk menyebabkan cedera dengan sengaja atau percubaan hendak menyebabkan cedera, melainkan bagi maksud mengelakkan kematian atau cedera yang lebih ringan
- (iv) bahawa kecuialian ini tidak termasuk menyubahati sesuatu kesalahan yang tidak termasuk dalam kecuialian ini.

Huraian - Faedah kewangan semata-mata bukanlah faedah dalam erti seksyen 15, 16 dan 19.
